

13 MAY 2001

Mustapa-Rasuah

UMNO MESTI BERTINDAK SEGERA ATASI PEMIMPIN AMAL RASUAH

MACHANG, 13 Mei (Bernama) -- Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed berkata parti itu mesti bertindak cepat dalam mengatasi pemimpin parti yang mengamalkan rasuah.

Beliau berkata jika tindakan pantas tidak dilakukan, amalan itu bukan sahaja akan merebak dan melemahkan parti malah dikhuatiri akan menjadi budaya yang sukar dibendung.

"Ia samalah penyakit barah, jika tidak diubati cepat akan merebak ke seluruh badan," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan cek bernilai RM200,000 untuk pembinaan masjid di Sekolah Menengah Kebangsaan Wataniah di sini semalam.

Beliau diminta mengulas permintaan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan anggota parti menolak pemimpin yang mengamalkan rasuah supaya tidak mengecewakan orang Melayu terhadap kewibawaan Umno.

Dr Mahathir berkata langkah itu perlu kerana orang Melayu termasuk yang tidak terbabit dalam politik melihat Umno sebagai tempat untuk menyelamatkan kedudukan mereka.

Oleh itu, kata Mustapa jika ia dibiarkan, akhirnya maruah bangsa akan terjual dan tergadai.

Mustapa berkata beliau akan melawat ke seluruh negara bagi menerangkan kepada anggota Umno tentang bahayanya pemimpin parti yang mengamalkan rasuah.

Mustapa yang juga Ketua Umno Kelantan meminta rakyat negeri ini tidak mudah mempercayai dakwah yang ditaburkan oleh pembangkang kononnya kerajaan pusat menganaktirikan rakyat Kelantan daripada mendapat faedah projek-projek pembangunan.

Menurutnya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan pusat telah membelanjakan peruntukan berjumlah RM2,000 juta untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di Kelantan.

Beliau memberi jaminan dalam Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan pusat akan terus memperuntukkan wang tidak kurang daripada jumlah terdahulu untuk melaksanakan pelbagai projek pembangunan.

Katanya itu tidak termasuk projek lampu kampung iaitu projek baru yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan Kelantan mendapat peruntukan terbesar.

"Ini menunjukkan dakwah yang ditaburkan oleh pembangkang tidak benar dan menyifatkan tuduhan itu sengaja mahu mengabui mata rakyat supaya terus menyokong mereka," katanya.

-- BERNAMA

WM LAT